



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DR. NORHAYATI BINTI ABD RAHMAN

PENSYARAH KANAN AKADEMI PENGAJIAN MELAYU UNIVERSITI MALAYA

OLEH:  
NUR ATIARA BINTI ABDULLAH  
2011879206  
NADZIRAH BINTI OTHMAN  
2011223672

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DR. NORHAYATI BINTI AB RAHMAN  
PENSYARAH KANAN AKADEMI PENGAJIAN MELAYU UNIVERSITI MALAYA

OLEH:  
NUR ATIARA BINTI ABDULLAH  
2011879206  
NADZIRAH BINTI OTHMAN  
2011223672

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

# ISI KANDUNGAN

## TAJUK

Penghargaan.....	i - ii
Abstrak.....	iii - iv
Biodata Tokoh.....	v - viii
Pengenalan.....	ix - xi

## Transkrip

Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	2 - 15
Bahagian B: Kerjaya Tokoh.....	16 - 35
Bahagian C: Kemahiran dan Pendapat.....	36 - 42
Bahagian D: Harapan.....	43 - 45

## Rujukan

Lampiran	48
Surat kebenaran.....	49
Surat Perjanjian.....	50
Log temubual.....	51 - 53
Indeks.....	54 - 55
Senarai soalan.....	56 - 62
Gambar.....	63 - 65

## MUKASURAT

# PENGHARGAAN

## **Penghargaan**

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Ibni Abdullah SAW, ahli keluarganya yang suci serta para sahabat baginda yang terpilih. Alhamdulillah, kami mengucapkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan keizinan dan hidayatNya membolehkan kami menyempurnakan tugasan IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Puan Nor Kamariah binti Chik kerana memberikan sokongan dan bimbingan untuk kami menyiapkan tugasan yang diberi. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada tokoh kami, Dr. Norhayati Binti Abdul Rahman, Pensyarah Kanan Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya Malaysia, yang sudi meluangkan masa untuk di temubual dalam kesibukan jadual beliau. Kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami sepanjang proses menemubual dan pembikinan transkrip ini, kami mengucapkan jutaan terima kasih. Semoga sumbangan kalian mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# **ABSTRAK**

**Abstrak:** Transkrip ini mengandungi temubual bersama Dr. Norhayati binti Ab Rahman mengenai kerjaya beliau dalam bidang kesusasteraan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM) Malaysia. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam bilik persendirian beliau di Manal 1, Tanah Merah, Kelantan pada 16 Oktober 2013 bermula jam 1.42 petang. Dr. Norhayati binti Ab Rahman merupakan salah seorang tokoh kesusasteraan Melayu yang terkenal bukan sahaja di Malaysia tetapi juga diluar negara melalui pembentangan kertas kerja dan penglibatan beliau berkaitan kepakaran. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang serta pengalaman beliau sepanjang menjawat jawatan Pensyarah Kanan Jabatan Kesusasteraan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM) Malaysia. Disamping itu, beliau turut memberikan pendapat khususnya mengenai penglibatan kaum wanita dalam bidang kesusasteraan Melayu di Malaysia.

**Kata kunci:** Dr. Norhayati binti Ab Rahman, Jabatan Kesusasteraan, Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM)

# **BIODATA TOKOH**

## Biodata Tokoh

---



---

### MAKLUMAT DIRI

Nama	:	Norhayati Binti Abdul Rahman
Asal	:	Tanah Merah, Kelantan
Status	:	Sudah berkahwin
Anak	:	3 orang ( 2 lelaki dan 1 perempuan)
Jawatan	:	Pensyarah Kanan Jabatan Kesusasteraan
Fakulti	:	Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM) Malaysia
Email	:	yati@um.edu.my
No. Tel	:	03-79677239/7209
No. Fax	:	03-79677214

### TAHAP PENDIDIKAN

Doctoral Degree (PhD), Universiti Sains Malaysia (USM) (Kesusasteraan Melayu)  
PHD, Universiti Sains Malaysia (USM)  
MA, Universiti Malaya Malaysia (UM)  
BA, Universiti Malaya Malaysia (UM)

---

---

## **JAWATAN LAIN**

Ketua Jabatan Kesusasteraan, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
(1 SEP 2007 - 31 Ogos 2009)

Pengerusi Jawatankuasa Seminar APM, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
(5 Dec 2006 - 15 Sep 2007)

Ketua Seksyen Kokurikulum, Elektif Pengajian Luar Fakulti & Titas (Sket), Canselor,  
(1 Apr 2006 – 30 Ogos 2007)

Penyelaras PJJ UM – OUM, Universiti Malaya (2 JAN 2000 – 31 DEC 2000)

## **PENGLIBATAN TERKINI**

Penasihat & ahli, MAJLIS SASTERA ASIA TENGGARA, (2012-2016) Antarabangsa

Ahli Jawatankuasa, Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan Di Kuala Lumpur & Selangor (PUSPA), (2011-2013) Universiti

Ahli Persatuan Bahasa Moden Malaysia (Malaysian Modern Language Association), (2009-2010) Kebangsaan

Ahli Jawatankuasa, Persatuan Tindakan Wanita Islam Malaysia (PERTIWI), (2007-2009) Kebangsaan

Ahli University's Women Association's (UWA), (1996) Antarabangsa

---

## **PENERBITAN TERKINI**

### **Buku**

Norhayati Ab. Rahman. 2012. Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia Satu Bacaan Ginokritik. Penang. USM Press.

### **Bab dalam buku**

Norhayati Ab. Rahman. 2010. Adat dan Adat Istiadat Dalam Sastera Sejarah Sebagai Pengukuhan Kepada Ketuanan dan Kekuasaan Raja Melayu. Hal: 280-298. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Norhayati Ab. Rahman. 2008. “Bahasa dan Gender: Eksplorasi Daripada Lensa Feminis” dalam Indirawati Zahid (ed.), Kuntum Budi Sumbangsih, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. . Hal: 210-216.

### **Jurnal**

Norhayati Ab. Rahman. 2012. Lentera Mustika: Pemartabatan Wanira daripada Lensa Feminis. Jurnal MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS (18): 109-130.

# **PENGENALAN**

# **Pengenalan**

## **LATAR BELAKANG AKADEMI**

Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1990 hasil daripada Laporan Lembaga Pengajian Mengenai Akademi Pengajian Melayu. Pada masa itu, Akademi Pengajian Melayu memberi tumpuan kepada kegiatan penyelidikan, penerbitan dan pendokumentasian iaitu sebagai pelengkap kepada fungsi yang dijalankan oleh Jabatan Pengajian Melayu (JPM) di Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Pada 14 Julai 1995, Jabatan Pengajian Melayu dan Akademi Pengajian Melayu bergabung dengan rasminya untuk menjadi satu institusi akademi di Universiti Malaya. Kegiatan utama Akademi Pengajian Melayu (APM) terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian Pengijazahan dan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Setiap bahagian pula mempunyai jabatan-jabatannya sendiri. Jabatan-jabatan dalam Bahagian Pengijazahan ialah Jabatan Bahasa Melayu, Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Jabatan Linguistik Melayu, Jabatan Kesusastraan Melayu dan Jabatan Kesenian Melayu. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan pula merangkumi Penyelidikan, Dokumentasi dan Penerbitan. Antara anugerah dan pengiktirafan yang pernah diterima oleh Akademi Pengajian Melayu (APM) ini ialah ‘Best Booth’ pada Ekspo Penyelidikan, Rekacipta dan Inovasi Universiti Malaya 2005 menerusi Projek Rumah Melayu, Projek Songket dan Tekstil di Alam Melayu, Projek E-Seni dan Projek Teknologi Melayu dalam Pertanian, pingat gangsa pada Ekspo Teknologi Malaysia 2007, di PWTC anjuran MARS menerusi Projek E-Kesenian (Pangkalan Data) dan pingat gangsa pada Ekspo Penyelidikan ,Rekacipta dan Inovasi 2009 anjuran Universiti Malaya (Projek Pemerolehan Bahasa dalam Kalangan Kanak-kanak Sindrom Down).

Objektif penubuhan akademi:

- i. Mencari, mentakrif dan mengembangkan ilmu berdasarkan kebenaran yang bersendikan akidah Islam.
- ii. Melahirkan ilmuan Pengajian Melayu yang cemerlang dan berjaya secara dunia dan ukhrawi.
- iii. Menyediakan graduan dan ilmuan yang cekap, berinovatif, beriltizam, beradab, beragama, berwawasan dan peka terhadap perkembangan ilmu agama dan ilmu keduniaan.
- iv. Mempertingkatkan serta melengkapkan usaha-usaha pendokumentasian bahan-bahan ilmu berhubung dengan Pengajian Melayu dan memasyarakatkan bahan-bahan tersebut.
- v. Menjadi pusat kegiatan penyelidikan Melayu yang utama dan terpenting di dunia.
- vi. Merakam, mengumpul, menyimpan, dan memasyarakatkan segala bentuk data tentang Pengajian Melayu.
- vii. Menjadi pusat kegiatan Pengajian Melayu yang terunggul di dunia dengan kegiatan seminar, persidangan, dan kegiatan akademik lain yang berhubung dengan orang Melayu.

# **TRANSKRIP**

# **Transkrip**

**Petunjuk:**

**NA: Nur Atiara Binti Abdullah**

**DN: Dr. Norhayati Binti Abdul Rahman**

## **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

**NA :** Pada enam belas [16] Oktober dua ribu tiga belas [2013] jam satu empat puluh dua [1.42] petang, saya Nur Atiara Abdullah, telah menemubual seorang tokoh Akademik *Doktor* [Dr] Norhayati Binti Abdul Rahman, *Senior Lecturer Department of Literature* [Pensyarah Kanan Jabatan Kesusastraan], *Academy of Malay Studies* [Akademi Pengajian Melayu], *University Malaya Malaysia* [Universiti Malaya Malaysia]. Terima kasih doktor diatas kesudian untuk ditemubual.

**DN :** Sama-sama. Terima kasih kerana sudi *jugak* [juga] menemubual.

**NA :** Baiklah doktor soalan pertama saya, bolehkah doktor ceritakan serba sedikit mengenai diri doktor?

**DN :** *Ok* [Baiklah] – saya, nama penuh Norhayati Abdul Rahman berasal dari Tumpat, Kelantan. Mempunyai sembilan [9] orang adik-beradik dan saya anak yang kedua. Mendapat pendidikan awal di sekolah menengah-, rendah di Kampung

Kok Pasir dan kemudian di Sekolah Menengah Kampung Laut, diikuti dengan Sekolah Menengah Mahmud Mahyidin di Pasir Pekan dan selepas itu melanjutkan pengajian di Universiti Malaya. Saya di Universiti Malaya untuk pengajian peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang Pengajian Melayu dan seterusnya ijazah sarjana juga dalam bidang Pengajian Melayu cuma berlainan bidang pengkhususan *saja* [sahaja]. Untuk peringkat ijazah pertama, saya mengikuti Pengajian Melayu dan mengkhusus kepada bidang Kesusastraan Melayu manakala untuk peringkat ijazah sarjana, saya mengkhusus masih dalam bidang Kesusastraan Melayu tetapi menjurus kepada bidang Sastera Melayu Tradisional. Kemudian untuk pengajian yang terakhir peringkat- ijazah doktor falsafah PhD, saya melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia dalam bidang Kesusastraan Bandingan, Comparative Literature. Jadi itu sedikit sebanyak latar belakang pendidikan.

**NA : Boleh doktor ceritakan serba sedikit mengenai keluarga doktor?**

DN : Baik. Saya- dari keluarga--- dibesarkan di kampung, dari keluarga kampung. Mempunyai ramai adik-beradik, sembilan [9] orang. Saya anak yang kedua dan *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] antara yang awal, yang apa orang kata-berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat yang tertinggi, barangkali sayalah antara yang terawal, *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah]. Kemudian lepas *tu* [itu] diikuti oleh beberapa orang adik-beradik yang juga menyusur melanjutkan

pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

**NA : Doktor, mengapakah doktor memilih menjadi seorang pendidik atau pensyarah?**

DN : *Ok* [Baiklah], memilih--- mengapa memilih menjadi seorang pendidik? Kalau ikutkan memang *sedari* [sejak] zaman sekolah saya sudah pun mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang guru sebenarnya, *ye* [ya] menjadi seorang guru. Dan semasa menamatkan pengajian di peringkat ijazah pertama, saya telah pun pergi menghadiri *interview* [temuduga] untuk menjadi seorang guru di Maktab Perguruan Ilmu Bahasa Kuala Lumpur pada ketika itu. Dan dua [2] kali saya pergi memang saya berjaya dan dipanggil untuk mengikuti latihan perguruan tapi memandangkan pada masa yang sama saya diberi peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana sekaligus diberi peluang untuk menjadi *tutor* [pengajar] sebaik sahaja menamatkan ijazah pertama, jadi saya menimbang-nimbang adalah lebih baik jika saya dapat melanjutkan pelajaran. Dan kemudian, juga menjadi guru, tetapi bukan guru di sekolah, tetapi di peringkat institusi pengajian tinggi, maksudnya jadi pensyarahlah. *Sebab* [Kerana] kita lihat bidang pendidikan *ni* [ini] pada saya satu bidang yang sangat penting- peranannya dalam mendidik dan memandaikan anak-anak bangsa, jadi kita tugas guru *ni* [ini] memang tersangat penting dalam memberi ilmu, memajukan, menjadikan masyarakat kita orang yang berjaya. Macam saya

sendiri, saya melihat kepada diri sendiri, memang pendidikanlah yang mengubah kehidupan saya, dari keluarga yang susah, yang miskin. Kemudian melalui pendidikan kita boleh mengubah kepada keadaan yang lebih baik. Jadi itulah salah satu orang kata, motivasi yang memberi semangat kepada saya untuk terlibat dalam bidang pendidikan dan saya harap saya *jugak* [juga] boleh mengubah kehidupan orang lain sepetimana saya mengubah kehidupan saya sendiri, *InsyaAllah* [jika diizinkan Allah].

**NA : Tahniah doktor. Seterusnya soalan saya selepas menamatkan persekolahan adakah doktor terus menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi atau doktor bekerja terlebih dahulu?**

DN : Baik. Kalau ikutkan saya, selepas *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] saya masuk ke universiti selepas *menamat* [tamat] mengambil peperiksaan *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia]. Saya sebenarnya *takdela* [tiadalah] bekerja terlebih dahulu secara formal, secara langsung, tidak, cuma sementara menunggu keputusan *tu* [itu] adalah *buat-buat* [melakukan secara ala kadar] kerja pekerjaan kampung. Itu *biasalah* [kebiasaanyalah] sambil tunggu keputusan peperiksaan. Tapi kalau *nak* [hendak] dikatakan bekerja terlebih dahulu sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti *tu* [itu] tidaklah. (gangguan suara bayi) Mungkin boleh dikatakan secara langsungnya dari sekolah terus ke peringkat universiti, memulakan pengajian ke peringkat ijazah

pertama dan belum selesai sebelum konvokesyen pun saya sudah ditawarkan untuk meneruskan pengajian ke peringkat sarjana dan sekaligus ditawarkan sebagai seorang pengajar atau tutor kita panggil pada ketika itu. *Alhamdulillah* [Segala puji bagi Allah], sebelum *konvo* [konvokesyen] saya *dah bekerjalah kira* [kiranya sudah bekerja] pada ketika itu. Kemudian selepas bekerja, selepas mendapat Ijazah Sarjana Masters, saya terus mendapat tawaran untuk menjadi pensyarah universiti. Dan pada masa yang sama selepas beberapa tahun menjadi pensyarah, saya mendapat tawaran hadiah cuti belajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang tertinggi, peringkat *Ijazah Doktor Persuratan* [penggunaan bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan yang berpiawaian tinggi].

**NA : Doktor, adakah ibu bapa doktor turut menyumbang atau membantu doktor dalam pemilihan bidang pengajian doktor?**

DN : *Ok* [Baiklah], dari segi peranan keluarga, peranan ibu bapa dalam memilih lorong kerjaya saya- mesti faham bahawa saya dari- latar keluarga yang orang kampungkan, yang tidak berpendidikan tinggi, orang biasa *saja* [sahaja] yang bekerja secara kampung. Jadi, mentaliti orang kampung mereka tidak--- mereka memberi galakan, mereka memberi dorongan, tapi tidak secara langsung. Maksud saya dari segi pemilihan kerjaya, pemilihan bidang, itu tidak sangat-berperanan. Dan kita faham bahawa keadaan *ibu bapak* [ibu bapa] dahulu dengan *ibu bapak* [ibu bapa] sekarang *tak* [tidak] sama. *Ibu bapak* [Ibu bapa]

pada hari ini mereka lebih berpendidikan, lebih tahu tentang keperluan semasa, tentang persekitaran, tentang tuntutan sezaman. Tapi untuk saya, sebab *ibu bapak* [ibu bapa] saya orang kampung yang tidak berpendidikan tinggi, mereka menggalakkan *saja* [sahaja], apa *saja* [sahaja] bidang yang saya pilih mereka akan setuju dan mereka akan bagi dorongan. Jadi pilihan yang saya ambil, yang saya lalui pada hari ini kira macam sepenuhnya atas pilihan saya sendirilah dan *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] pilihan yang saya ambil peringkat awal dahulu memang tepat, tidak salah lagi kerana saya telah pun berada pada tahap yang ini. *Alhamdulillah* [Segala puji bagi Allah].

**NA : Doktor, semasa di alam universiti, seperti yang doktor ceritakan tadi, doktor banyak ditawarkan dengan tawaran-tawaran melanjutkan pelajaran bila belum lagi tamat pengajian yang terdahulu. Bagaimana pencapaian doktor dalam segi akademik dan juga aktiviti luar sewaktu di universiti dulu?**

**DN :** Baik, kita mesti faham bahawa keadaan dahulu, tahun--- hujung tahun lapan puluhan [80an], dengan keadaan semasa pada hari ini tidak sama. Pada zaman saya dulu, belum habis belajar saya *dah* [sudah] dapat peluang *kerjaye* [kerjaya], dapat tawaran dari beberapa universiti. Pada masa itu, orang yang lulus tinggi ataupun yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda *ni* [ini] tidak ramai. Malah saya masih ingat masa saya mengambil *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], yang

lulus dan dapat masuk universiti dikampung saya pada ketika itu cuma *sorang* [seorang] atau dua orang, tak ramai. Jadi bayangkan satu kampung tahu kita *nak* [hendak] masuk universiti dan mereka buat kenduri. Berbanding dengan zaman sekarang, pada hari ini masuk universiti *tu dah* [itu sudah] jadi satu perkara yang biasa, tidak- bukan sesuatu yang luar biasa lagi *ye* [ya], semua orang masuk universiti. Dan kalau kita lihat dalam satu keluarga, satu rumah berderet-deret adik-beradik semua masuk universiti, tidak lagi menjadi suatu perkara yang seperti dulu. Kalau dulu, wah! Luar biasa *tu* [itu] masuk universiti, itu tahap pencapaian yang tertinggi. *Sebab tu* [Sebab itu] antara sebab, antara punca kenapa *dulu-dulu* [zaman dahulu] graduan begitu mudah mendapat tawaran kerja, tawaran melanjutkan pengajian dan sebagainya kerana tidak ramai. Tidak ramai pelajar pada ketika itu yang mendapat kelulusan universiti. Jadi saya termasuk dalam golongan yang tidak ramai itu, jadi lebih bernasib baiklah berbanding dengan zaman sekarang. Jadi kalau dulu dapat keputusan akademik yang- bagus *ye* [ya], kita *dah* [sudah] dapat tawaran dari universiti, belum *konvo* [konvokesyen] lagi. Macam contoh saya, belum *konvo* [konvokesyen] lagi saya *dah* [sudah] ditawarkan untuk melanjutkan pengajian peringkat *Master* [Sarjana] dan sekaligus ditawarkan untuk menjadi *tutor* [pengajar] untuk menjalani latihan untuk menjadi pensyarah. Pada masa yang sama *jugak* [juga], saya dapat tawaran dari Universiti Sains Malaysia untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Tapi *tulah* [itulah], sebab saya sayang *nak tinggalkan* [hendak meninggalkan] universiti asal saya, Universiti Malaya, jadi saya kekal di

Universiti Malaya sampai hari ini, cuma pada peringkat pengajian *PhD* [Doktor Falsafah] saya melanjutkan pengajian saya di Universiti Sains Malaysia, kira tercapai jugaklah hasrat untuk ke luar melanjutkan pengajian, cuma tidak diluar negara. Walau bagaimanapun, sebenarnya peluang untuk belajar diluar negara sentiasa terbuka. Kalau pun kita belajar di dalam negara tapi ada masanya kita akan--- kalau dah jadi pensyarah, kita ada peluang sentiasa diberi untuk mendapat exposure pendedahan diluar negara melalui program-program yang pelbagai. Kita ada program Cuti Sabatikal, penyelidikan, semua *tu* [itu] memberi kita ruang dan peluang untuk belajar ataupun keluar kemana-mana *saje* [sahaja] diluar negara. Berbalik kepada soalan tentang penglibatan dalam bidang kokurikulum *kan* [tabiat percakapan]? Yang ditanya tadi, kokurikulum ataupun aktiviti di kampus, memanglah pada masa saya belajar dulu saya agak aktif di kolej dalam beberapa kegiatan kolej, agak aktif dan kerana keaktifan itu juga saya mendapat tempat penginapan di asrama kolej. Pada masa *tu* [itu], kalau kita *tak* [tidak] aktif kita *tak* [tidak] boleh duduk di asrama *ye* [ya], yang wajib duduk di asrama cuma pelajar tahun satu. Tahun dua, tahun tiga, tahun empat, kalau tak aktif memang kena keluar daripada asrama. Jadi *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], kerana saya aktif di asrama dengan berbagai-bagai penglibatan dalam bidang kokurikulum, saya duduk asrama dari tahun satu sampai *final year ye* [tahun akhir ya]. Dan sebenarnya, kokurikulum *ni* [ini] sangat membantu kita, sangat membantu pelajar khususnya para bakal graduan yang bergelar--- *nak* [hendak] jadi graduan ni, memang macam satu kemestian untuk terlibat dalam

bidang kokurikulum, banyak faedahnya. Kokurikulum inilah yang melatih kita untuk- memiliki pelbagai kemahiran selain dari segi ketrampilan peribadi, sahsiah, kita juga dilatih untuk menguasai kemahiran berkomunikasi *kan* [bukan]? Komunikasi baik secara tulisan, secara lisan, mempunyai sahsiah yang tinggi, berketrampilan, mempunyai keberanian, keyakinan diri *ye* [ya] untuk berdepan dengan orang ramai. Jadi *dia* [ia] sebenarnya suatu latihan yang digalakkan diberi kepada mahasiswa mahasiswi kita pada hari ini.

Kalau hari ini *dah* [sudah] diwajibkan *ye* [ya] di kampus untuk terlibat dalam kegiatan kokurikulum, malah ada markah diberikan. Ada kegiatan kokurikulum yang wajib diambil- dengan dua jam kredit *ye* [ya], itu satu kewajipanlah sekarang. Zaman saya dulu *takde* [tiada], tapi kami dikira berdasarkan penglibatan, *point* [mata], sijil. Itu diambil kiralah, dan kalau *nak* [hendak] pergi *interview* [temuduga] masa *nak mintak* [hendak minta] kerja, itu sangat penting. Sebab kalau ikutkan kelulusan akademik, mungkin ramai orang lain juga memiliki keputusan yang baik, seperti mana kita *kan* [bukan]? Jadi dari segi akademik ramai orang cemerlang terutama pada hari ini. Sebab kita akan lihat hari *ni* [ini], ramai pelajar yang dapat *first class* [kelas pertama], dapat *second class upper* [kelas kedua atas]. Tapi, yang membezakan kita dengan pelajar lain ialah kebolehan dan ketrampilan diri kita *kan* [bukan]? Kalau *nak* [hendak] kira dari segi kelulusan, mereka bagus kita pun bagus. Tapi yang membezakan kita dengan mereka ialah keupayaan kita untuk mempamerkan kebolehan itulah,

kebolehan dari segi sahsiah, dari segi keberanian, dari segi komunikasi, kemahiran komunikasi. Memperlihatkan ciri-ciri apa orang kata--- kebolehan dalam bidang IT dan sebagainya. Kalau saudara (saudari) ingat, kita sekarang ada apa kita panggil? Kemahiran insaniah *ye* [ya]. Kemahiran insaniah sekarang merupakan satu kemahiran wajib diberi kepada pelajar semua universiti *kan* [tabiat percakapan]? Jadi inilah sebenarnya yang kita belajar di dalam bidang kokurikulum dulu. Sekarang dinilai. Kemahiran insaniah *ni* [ini] sekarang dinilai sama ada pelajar lulus atau gagal. Kalau pelajar lulus, *ok* [baik]. Kalau pelajar gagal, pelajar akan ditahan, ditahan--- *tak* [tidak] akan dibenarkan untuk *konvo* [konvokesyen] sehingga mereka memiliki kemahiran itu. Jadi *kena* [perlu] tahan lama sikitlah dekat kampus, *kena* [perlu] pergi kursus itu, kursus ini, latih itu, latih ini, barulah dibenarkan graduan kita untuk keluar mencari pekerjaan. Jika tidak kita bimbanglah pelajar kita ini tidak berupaya untuk menunjukkan kemahiran yang diharapkan oleh pihak majikan diluar sana.

**NA : Baiklah doktor, ramai yang mengatakan bahawa zaman universiti adalah zaman membuat satu jaringan perhubungan antara kawan-kawan. Siapakah teman yang paling diingati doktor? Teman seperjuangan yang paling diingati doktor?**

**DN : Ok** [Baik], kalau kita *nak* [hendak] mencari jaringan perhubungan atau *networking*, sebenarnya memang bermula pada zaman pengajian. Tapi yang

lebih penting bila kita dah masuk dunia kerjaya itulah yang lebih penting, cuma asasnya itu kita bina semasa belajarlah. Saya masa belajar dulu memang mempunyai orang kata *geng* [kumpulan] sendirilah *kan* [bukan]. Dan saya *ni* [ini] walaupun asal orang Kelantan, dari Kelantan, sewaktu belajar di universiti saya *takde* [tiada] kawan-kawan dari kalangan orang Kelantan. Saya lebih suka berkawan dengan, terbuka, maksudnya tidak macam sesetengah pelajar sekarang, dia punya *state of feeling* [semangat kenegerian] *tu* [itu] terlalu ketat, kuat, *nak* [tidak mahu] berkawan dengan orang luar, *tak* *nak* [tidak mahu] berkawan dengan orang jauh, *nak* [hendak] berkawan dalam kelompoknya sendiri *saje* [sahaja], supaya boleh- lebih sesuai, boleh cakap dialek, Kelantan *kan* [bukan], ataupun lebih mudahlah pada mereka. Tapi sebenarnya pergaulan ini perlu diluaskan. *Takde* [Tiada] batasan *ye* [ya]. Contohnya pada zaman saya belajar dulu, saya berkawan dengan kawan-kawan dari seluruh negeri, dari Sabah, Sarawak, Melaka, Johor, Perlis, semua. Kelantan pun ada, tapi tidak ramai (tergelak kecil). Malah waktu saya belajar dulu tidak ada pelajar yang tahu saya *ni* [ini] orang Kelantan *ye* [ya], sebab saya berkawan dengan orang bukan Kelantan, jadi saya tidak cakap Kelantanlah di kampus. Tapi yang penting kita berkawan dan saya mempunyai sebilangan kawan yang- sampai hari ini masih berhubungan, masih ada *networking* [jaringan] itu. Sebahagian besar mereka dah jadi guru, dah jadi pegawai kedutaan, dah mempunyai kerja yang bagus-bagus. Dan ini penting *jugak* [juga] untuk laluan jalinan kita dengan dunia luar. Sebab kadang bila kita ada kenalan ditempat-tempat tertentu lebih

memudahkan urusan kita. Apapun sebenarnya, jalinan sebenar dengan dunia luar saya dapati apabila saya *dah* [sudah] bekerjalah, (penemuramah mencelah), *ye* [ya] betul, bila dah kerja apalagi dalam dunia akademik *ye* [ya], kita--- dunia akademik *ni* [ini] banyak terlibat dengan kerja-kerja bukan saja mengajar. Mungkin setengah orang menganggap kerja pensyarah *ni* [ini] cuma mengajar, sebenarnya tidak. Asas kepada pensyarah selain mengajar, pensyarah *jugak* [juga] perlu membuat penyelidikan. Jadi penyelidikan ini melibatkan kita dengan pihak-pihak luar. Selain penyelidikan pensyarah *jugak* [juga] harus terlibat dalam bidang Perundingan, consultancy. Perundingan, kita dianggap sebagai pakar dalam bidang tertentu, dalam bidang kitalah dan selalunya kepakaran bidang kita itu akan dimanfaatkan oleh pihak-pihak luar, macam kalau saya sendiri dalam bidang kesusasteraan *ye* [ya], saya menjadi penasihat, menjadi- pembimbing kepada--- untuk memenuhi keperluan seperti institusi luar lah. Macam saya menjadi penilai luar kepada program pengijazahan di *ASWARA* [Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan], menjadi konsultan, menjadi munysi kepada beberapa program di Dewan Bahasa dan Pustaka- dan juga menjadi penilai dalam penerbitan buku-buku jurnal kepada berbagai universiti di dalam dan luar negara. Satu, itu konsultan. Jadi selain mengajar kita *kena* [perlu] berfungsi sebagai pakar kepada dunia luar, bukan universiti *saja* [sahaja], kepada masyarakat diluar sana- kepada industrilah. Dan satu lagi- tugas utama pensyarah juga ialah--- selepas kita buat *research* [penyelidikan], kita kena membentangkan nya di persidangan-persidangan, seminar-seminar *ye* [ya]. Jadi

seminar ini penting untuk mendedahkan kajian kita, penemuan kita kepada orang luar sama ada di dalam negara atau diluar negara, sebab itu saya selalu terlibat dengan pembentangan seminar di dalam negara, diluar negara, macam tahun lepas, saya sempat membentangkan kertas kerja di Jerman dua kali tahun lepas, di Jerman, kemudian di *UK* [United Kingdom], Scotland.

Ini adalah kerja-kerja yang memang berhubung dengan tugas kita sebagai pensyarahlah, jadi tidak benar lah kalau orang anggap pensyarah *tu* [itu] cuma mengajar. Dunia hari ini sangat mencabar seperti mana guru di sekolah, pensyarah universiti lebih lagi lah, dan sekarang apalagi kalau duduk di universiti macam saya di Universiti Malaya *kan* [bukan]? Universiti Malaya *ni* [ini] antara universiti paling- yang tertua dan paling unggul lah di Malaysia dan diiktiraf sebagai antara universiti penyelidikan. Jadi kami memang wajib melakukan penyelidikan, itu wajib. Setiap orang mesti melakukan penyelidikan dan apabila dia telah melakukan penyelidikan, pembentangan di seminar-seminar, pembentangan di persidangan-persidangan, di peringkat nasional dan antarabangsa, yang terakhir kita kena menerbitkan, *to publish* [untuk menerbitkan], mesti *publish* [terbitkan] hasil penyelidikan kita. Jadi sebab tu kita *kena* [perlu] hasilkan artikel dalam jurnal, *chapter in book* [bab dalam buku], buku-, jurnal-jurnal di peringkat dalam negara, luar negara, itu memang tugas ahli akademiklah. Dan ini sangat penting sebagai satu *KPI jugak* [Key Performance Indicator juga], selain penting untuk menyampaikan ilmu kepada

masyarakat di dalam dan luar negara. Dan *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], setakat ini saya *jugak* [juga] dilantik sebagai mewakili Malaysia untuk MASTERA, untuk Majlis Sastera Asia Tenggara. Jadi saya antara seorang daripada lima orang pakar di Malaysia yang mewakili Malaysia untuk Majlis Sastera di Asia Tenggara. InsyaAllah [Jika diizinkan Allah], minggu depan dua puluh tiga [23] sampai dua puluh lapan [28] haribulan, saya akan berada di Jakarta untuk mewakili Malaysia- menghadiri sidang, majlis sidang selama empat hari dan langsung meneruskan dengan menghadiri pembentangan. Saya akan bentang kertas kerja di persidangan antarabangsa Majlis Sastera Asia Tenggara. InsyaAllah [Jika diizinkan Allah] pada minggu depan.

**NA : Baiklah doktor, kita tamat bagi *session* [sesi] latar belakang. Terima kasih.**

#### **TAMAT BAHAGIAN A**

## **BAHAGIAN B: KERJAYA TOKOH**

NA : Sesi temubual diteruskan dengan aspek kedua iaitu aspek kerjaya.

**Doktor, adakah doktor mendapat PhD semasa menjadi pensyarah?**

DN : *Ok [Baik], untuk pengetahuan- kerjaya saya bermula selepas pengajian saya di peringkat Ijazah Sarjana Muda, First Degree [Ijazah Pertama]. Seperti yang saya sebut tadi bahawa sebelum *konvo* [konvokesyen] ijazah pertama, saya *dah* [sudah] mendapat tawaran sebagai tutor, sebagai pengajar, pada ketika itu. Jadi kalau *nak* [hendak] kira bila bermula kerjaya saya, *masa* [semasa] belum selesai, belum *konvo* [konvokesyen] untuk pengajian ijazah pertama. Dan apabila saya *dah konvo* [sudah konvokesyen], saya terus ditawarkan untuk membuat, untuk menyambung pengajian di peringkat Master [Sarjana] dan apabila saya *dah* [sudah] memiliki Master Ijazah Sarjana barulah ditawarkan secara rasmi *post* [jawatan] sebagai pensyarah. Sebab masa *tu* [itu] untuk jadi seorang pensyarah mesti memiliki Ijazah Sarjana Master, masa *tu* [itu], awal tahun empat puluh [40]--- *sorry* [maaf], tahun sembilan belas sembilan puluh dua [1992], saya bermula sebagai pensyarah- sementara lah selepas memiliki Master [Sarjana]. Kemudian sewaktu sudah berada dalam *post* [jawatan] sebagai pensyarah itu, saya barulah ditawarkan untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD [Doktor Falsafah]. Saya waktu *tu* [itu], saya memang *take* [tidak] sambung, sebab saya *dah* [sudah] bekerja *kan* [bukan], orang yang *dah* [sudah] bekerja selalunya memang orang kata leka sikitlah, tidak--- dah kerja*

*kan [bukan]? Tak [tidak] perlu terburu-buru. Tapi itu sebenarnya satu kesilapan jugak [juga]. Sepatutnya saya terus saja selesai Master [Sarjana], terus ambil PhD [Doktor Falsafah]. Tapi kerana dah [sudah] selesa dengan post [jawatan] pensyarah, dah [sudah] ada Master [Sarjana], waktu itu yang ada Master [Sarjana] pun tak ramai kan [bukan], berapa orang je [sahaja]. Jadinya saya menyambung pengajian di peringkat PhD [Doktor Falsafah], sewaktu telah pun menjadi pensyarah, sudah pun bekerjalah dan PhD [Doktor Falsafah] tu [itu], saya mendapat--- kita ada dalam--- di universiti ada program hadiah cuti belajar untuk Bumiputra dan kebetulan saya dapat biasiswa itu. Biasiswa untuk hadiah cuti belajar- bagi Bumiputra dan saya diberikan cuti selama tiga tahun untuk membuat PhD [Doktor Falsafah] dengan sepenuhnya ditanggung oleh pihak universiti. Kira dapat hadiah biasiswalah. Jadi saya cuti lah daripada bekerja selama tiga tahun, pergi belajar buat PhD [Doktor Falsafah] di Universiti Sains Malaysia dan balik sambung kerja lah.*

**NA : Baiklah doktor. Apakah yang mendorong doktor untuk menjurus ke dalam bidang pendidikan terutamanya bidang Pengajian Melayu? Bolehkah doktor ceritakan secara ringkas skop bidang tersebut?**

**DN :** *Ok [Baik], bidang pendidikan. Tadi saya dah [sudah] cerita kenapa saya terlibat dengan bidang pendidikan kerana saya minat untuk mendidik, untuk mengajar, untuk memberi ilmu kepada anak-anak bangsa. Kenapa memilih*

Pengajian Melayu? Ye [ya] seperti yang semua orang tahu bahawa Pengajian Melayu adalah satu bidang yang sangat penting, satu bidang ilmu, satu disiplin ilmu yang sangat penting untuk mengkaji apa *saja* [sahaja] yang berhubung dengan orang Melayu dan kita tahu bahawa Melayu adalah penduduk asal di Malaysia ini *kan* [bukan], waktu dulu Tanah Melayu sebelum menjadi Malaysia---. Malaysia *ni* [ini] asalnya Tanah Melayu, Semenanjung Tanah Melayu. Tanah yang dimiliki sepenuhnya oleh orang Melayu sebelum datang kaum yang lain. Jadi Pengajian Melayu *ni* [ini] satu *core post* [jawatan teras] pengajian yang sangat penting dan kepentingan ini diperaku oleh pihak-pihak barat juga. Semasa zaman penjajahan pihak Inggeris telah pun mengenali, mengetahui, memahami akan kepentingan Pengajian Melayu. Justeru mereka menu buhkan Jabatan Pengajian Melayu sewaktu Universiti Malaya baru-baru ditubuhkan. Jabatan Pengajian Melayu adalah antara dua jabatan yang paling awal ditubuhkan di Universiti Malaya. Kalau masih ingat Kolej Raffles di Singapura bermula dengan Fakulti *Engineering* [Kejuruteraan] dan Jabatan Pengajian Melayu. Semasa di Singapura ratusan tahun dahulu, Pengajian Melayu telah pun wujud dan sekarang Pengajian Melayu menjadi satu bidang yang besar. Kalau dulu bertaraf jabatan, sekarang *dah* [sudah] bertaraf fakulti, menjadi Akademi Pengajian Melayu. Dan di bawah Akademi Pengajian Melayu itu ada banyak jabatan-jabatan lain yang semuanya berhubung dengan *core post* [jawatan teras] bidang Pengajian Melayu. Pengajian Melayu yang berhubung dengan Bahasa Melayu, Pengajian Bahasa Melayu, Pengajian

Kesusasteraan Melayu, Pengajian Sosial Budaya Melayu, Pengajian Kesenian Melayu, Ekonomi Melayu, Politik Melayu, semua yang berhubung dengan melayu memang ada di Pengajian Melayu. Dan Pengajian Melayu di Universiti Malaya adalah satu-satunya pusat pengajian Melayu yang terbesar di dunia, jangan *tak* [tidak] tahu, terbesar di dunia. Walaupun sebahagian besar manuskrip Melayu kita berada di Universiti Leiden yang telah *dibawak* [dibawa] balik oleh pihak penjajahan Belanda, tetapi kita adalah pusat pengajian yang terbesar. Dan pada masa yang sama, Pusat Pengajian Melayu *jugak* [juga] berada di seluruh dunia, berada di universiti-universiti di luar negara, di Eropah, di Australia, di *America* [Amerika], di Moscow. Mereka semua ada Pusat Pengajian Melayu, cuma secara kecil-kecilan dan yang terbesar adalah di Universiti Malaya di Malaysia, tempat saya *ni lah* [yang inilah].

**NA : Maksudnya, doktor di UM turut melakukan kerjasama dengan universiti-universiti yang di luar negara tersebut?**

**DN : Ye** [Ya] betul! Kerjasama secara langsung dan tidak langsung, berlaku di bawah payung *MoU* [Memorandum of Understanding] ataupun *MoA* [Memorandum of Agreement]. Untuk *MoU* [Memorandum of Understanding] ataupun *MoA* [Memorandum of Agreement], sekarang kita berhubung dengan beberapa buah universiti di luar negara, kita buat projek kerjasama. Misalnya

yang paling aktif sekarang dengan tiga buah universiti di benua China, di China. Kita ada *Beihang University* [Universiti Beihang], *BFF University* [Universiti BFF], *Yunnan University* [Universiti Yunnan], yang mana pelajar mereka akan datang ke Akademi Pengajian Melayu untuk mengikuti kursus dan pelajar kita pergi ke universiti-universiti mereka. Kita ada pertukaran pelajar, kita ada sistem pertukaran pelajar antara Akademi Pengajian Melayu dengan universiti-universiti di negara tersebut. Pada masa yang sama *jugak* [juga], dari negara Thailand misalnya, kita juga ada kerjasama yang sama dengan beberapa buah universiti. Kita bukan *saja* [sahaja] ada kerjasama dari segi pertukaran pelajar, tapi juga pertukaran pensyarah dan juga menganjurkan program-program bersama. Kita buat seminar bersama, penyelidikan bersama, penerbitan bersama dan selain universiti-universiti di- Asia, kita *jugak* [juga] mempunyai kerjasama dengan universiti di Eropah. Misalnya di universiti, *Stanford University* [Universiti Stanford] di Jerman misalnya, kita ada *MoU* [Memorandum of Understanding] secara langsung. Malah, kita sekarang sedang merangka satu persidangan antarabangsa yang dianjurkan secara bersama oleh Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya Malaysia dengan pusat pengajian-pengajian melayu di *Stanford University Germany* [Universiti Stanford Jerman]. Sekarang kita sedang menuju ke arah itu. Begitu juga dengan beberapa universiti lain di Eropah, kita ada jalinan kerjasama yang-sangat bagus, memberangsangkan, dan ini adalah antara sebahagian daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kami, pihak Akademi Pengajian

Melayu untuk mengantarabangsakan Pengajian Melayu. *Maknanya* [maksudnya] Pengajian Melayu, janganlah orang pandang bahawa Pengajian Melayu ni *mengaji* [mengkaji] tentang orang melayu *saje* [sahaja], melayu di Malaysia *saje* [sahaja], sebenarnya tidak *ye* [ya]. Pengajian Melayu harus dilihat dalam- dari skop yang luas, melihat melayu bukan hanya di Malaysia, malah Melayu diseluruh dunia.

**NA : Baiklah doktor. Jika dilihat pada biodata doktor yang telah kami baca, doktor terlibat dengan banyak persidangan-persidangan sebagai presenter, sebagai perunding. Apakah yang sering dijadikan motivasi doktor untuk berani menyuarakan pendapat doktor di khalayak ramai?**

**DN : Sebenarnya ini adalah berdasarkan latihan semasa zaman kita belajar lagi kita *dah* [sudah] dilatih untuk berani. Sebab *tu* [itu] saya kata asas utama untuk berjaya mesti ada keyakinan diri dan keberanian diri. Dan kita mesti berani, mesti boleh *convince the others* [boleh yakinkan orang]. Bila orang dengar kita cakap, *wow* [wah]! Orang macam yakin dengan kita. Tapi kalau kita *nak* [hendak] bercakap pun takut-takut, *nak bukak* [hendak buka] mulut pun segan-segan, itu *dah* [sudah]--- langkah yang pertama kita *dah* [sudah] menunjukkan kegagalan. Jadi langkah pertama untuk menuju kejayaan mestilah kita yakin diri dulu, ada keberanian diri, ada keyakinan diri, yang lain kita boleh bina, yang lain kita boleh bentuklah. Jadi berhubung dengan penglibatan saya *tu***

[itu], memang *sedari* [sejak] masa belajar lagi saya *dah* [sudah] aktif *kan* [bukan], di peringkat sekolah pun *dah* [sudah] aktif, diperingkat universiti apatah lagi. Kemudian apabila *dah* [sudah] kerja, memang terlalu banyak pendedahan yang saya dapat untuk terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang memerlukan kita bercakap, meyakinkan orang, menyuarakan pandangan, pendapat, dan ini boleh dilihatlah, kalau lihat sivil saya *tu* [itu] banyak *kan* [bukan], terlibat dengan pembentangan seminar-seminar. Di samping dilantik sebagai pakar bidang, pakar rujuk kepada institusi luar- yang memerlukan kepakaran kita. Jadi apabila kita pergi kita akan memberi bimbingan, kita akan memberi tunjuk ajar. Malah ada universiti dari Indonesia, yang memanggil kami untuk- mereka mewujudkan fakulti baru, Fakulti Sastera di Indonesia. Mereka *nak* [hendak] tunjuk ajar dari kita, bagaimana nak menubuhkan fakulti- yang ala-ala Pengajian Melayu yang mereka boleh contohi. Jadi kita tunjuklah model kita, ini yang kita buat di Malaysia, jadi mereka akan ikut. *Alhamdulillah* [Segala puji bagi Allah], setakat ini mereka *dah* [sudah] dalam usaha ke arah itulah. Di peringkat antarabangsa *jugak* [juga] kita perlu keberanian, sebab dengan keberanian sebenarnya kita boleh jadi burung yang boleh terbang kemana-mana *saja* [sahaja] diseluruh dunia dan membuka mata. Kita lihat dunia dari mata burung, jangan lihat dunia dari katak dibawah tempurung. Itu sangat penting.

NA : Baiklah doktor. Selama bergelar pensyarah di dalam skop bidang, mungkin doktor boleh kongsikan serba sedikit pengalaman pahit dan manis yang tak dapat dilupakan oleh doktor?

DN : Pengalaman banyak *lah kan* [ialah bukan], pahit manis yang *tak* [tidak] boleh dilupakan, sebenarnya pengalaman ini satu proses yang kita lalui dalam kehidupan kita. Masa kita lalu itu barangkali ada yang kita rasa pahit, ada yang kita rasa manis, tetapi akhirnya *at the end* [pada akhirnya] kita akan rasa bahawa semua *tu* [itu] memberikan kita pengalaman manis, kenangan manis. Terutama apabila kita telah berada--- berjayalah dalam mengejar cita-cita. *Nak* [hendak] kata pengalaman pahit *tu* [itu] mungkin pahit sangat tidak adalah, tapi susah payah itu memang ada terutama pada zaman saya melanjutkan pengajian di peringkat *PhD* [*Doktor Falsafah*], bidang kedoktoran itu, kerana waktu itu saya telah berkeluarga, ada anak-anak yang kecil jadi *kena* [perlu] mengorbankan masa untuk mereka, komitmen untuk mereka, semata-mata untuk- belajar, untuk menyambung pengajian. Saya masih ingat waktu saya sedang melakukan penyelidikan untuk *PhD* [*Doktor Falsafah*], ulang-alik dari Kuala Lumpur ke *USM* [*Universiti Sains Malaysia*] itu, waktu itu saya sedang mengandung, naik bas turun bas, naik kapal terbang, *bawak* [pandu] kereta, *tak* [tidak] menentu. Jadi itu adalah satu pengalaman yang sebenarnya menguji kekuatan dan ketabahan kita, sejauh mana kita boleh- cekal, tabah, dengan cabaran seperti itu, pengalaman seperti itu. Tapi akhirnya apabila kita berjaya

dalam pengajian, menamatkan pengajian dengan jayanya, kita rasa itu semua adalah satu proses yang lebih mematangkan kita. Menjadikan kita lebih kuat, lebih bersemangat *ye* [ya], begitu *jugak* [juga] dengan pengalaman saya waktu sedang *buat* [mengambil] *PhD* [Doktor Falsafah] dulu. Saya terpaksa apabila melahirkan- habis *je* [sahaja] bersalin, habis *saja* [sahaja] pantang, saya terus tinggalkan anak kecil saya yang baru empat puluh hari, terus tinggal untuk pergi melakukan penyelidikan di Jakarta- empat belas hari saya disana. Bayangkan masa *tu* [itu] baru lepas bersalin, saya tinggalkan. Itu satu pengorbanan, satu pengalaman antara yang tidak saya lupakan. Tapi sebenarnya itu satu proses yang banyak memberi kita pengajaran, memberi kita kekuatan untuk memandang kehidupan ini dengan lebih bersemangat untuk berjaya. *InsyaAllah* [Jika diizinkan Allah].

**NA : Jadi doktor, tadi doktor ada cakap pasal meninggalkan anak-anak. Apa penerimaan anak-anak doktor dahulu dan sekarang, dengan kerjaya doktor?**

**DN : Anak-anak saya *ni* [ini] sebab mereka *dah* [sudah] terbiasa sebenarnya *sedari* [sejak] mereka lahir *saje* [sahaja] saya *dah* [sudah] sibuk. *Sebab* [Hal ini kerana] waktu mereka lahir- anak pertama yang saya lahirkan, saya *dah* [sudah] bekerjaya sebagai ini, sebagai seorang pengajar, tutor, kemudian terus jadi pensyarah. Jadi mereka lahir sebagai anak yang tahu ibu mereka sentiasa**

sibuk. Jadi pada saya masa *tulah* [itulah], kita--- waktu sibuk memang kita sibuklah, tapi waktu lapang kita *kena* [perlu] berikan masa kepada keluarga, anak-anak, masa yang berkualiti, *quality time* [masa yang berkualiti] itu sangat penting. Tapi mereka anak-anak yang baik yang memahami kerana mereka *dah* [sudah] terbiasa ditinggalkan. Saya kalau ikutkan sekarang *ni* [ini] terlalu sibuk, hampir setiap hujung minggu saya *takde* [tiada] dirumah. Saya sentiasa pergi *outstation* [bekerja diluar] ke dalam atau luar negara. Sentiasa *takde* [tiada]. Tapi *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], mereka memahami dan boleh menerima dengan baik, yang penting mereka *okay* [baik] dan mereka dengan pengajian mereka dan saya *jugak* [juga] memantau dari jauh dan bapa mereka *jugak* [juga] berperanan pentinglah untuk mendidik, menjaga mereka semasa ketiadaan saya dan kami bekerjasamalah dan *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], anak-anak saya *jugak* [juga] setakat ini masih berjaya dalam pengajian masing-masing walaupun masih diperingkat sekolah.

**NA : Doktor, mengapakah doktor memilih untuk Pengajian Melayu di UM, mengapa tidak di universiti lain?**

**DN : Mengapa Pengajian Melayu di Universiti Malaya? Pertama barangkali kerana saya lahir disitu. Saya *ni* [ini] Alumni Jabatan Pengajian Melayu, memang saya lahir, membesar dan juga mendewasa di Universiti Malaya. Orang kata saya *ni* [ini] macam--- Universiti Malaya *tu* [itu] kampung sayalah. *Tak***

[Tidak] ada tempat yang saya *tak* [tidak] tahu, *tak* [tidak] ada *security guard* [pengawal keselamatan] yang saya *tak* [tidak] kenal, *tak* [tidak] ada staf yang macam- saya asing, jadi benar-benar saya rasa saya berada di kampung sendiri. Sebab saya *first degree* [ijazah pertama] saya di Universiti Malaya, *second degree* [ijazah kedua] saya di Universiti Malaya, *PhD* [Doktor Falsafah] saya walaupun di luar, waktu itu saya juga berada di Universiti Malaya sebagai staf pensyarah di Universiti Malaya. Jadi Universiti Malaya *tu* [itu] memang saya *tak* [tidak] boleh tinggalkanlah, *dah* [sudah] sangat akrab, sangat intim dijiwa saya. Walaupun sekarang saya juga dapat beberapa tawaran dari universiti lain untuk--- tawarkan yang lebih baik, dengan pangkat yang lebih tinggi, tetapi saya rasa saya takkan tinggalkan Universiti Malaya. *InsyaAllah* [Jika diizinkan Allah], setakat ini belum berubah hati, masih setia, masih sayangkan Universiti Malaya sebagai kampung saya sendiri. Satu lagi dari segi--- itu dari segi yang peribadi, yang nilai sentimental kepada kita, tapi yang lebih penting ialah Pengajian Melayu di Universiti Malaya adalah yang terbesar, bukan *saja* [sahaja] di Malaysia tetapi di dunia. Ini satu perkara yang mungkin orang diluar sana *tak* [tidak] berapa tahu. Sebenarnya Pengajian Melayu--- Akademi Pengajian Melayu di Universiti Malaya adalah Pusat Pengajian Melayu yang terbesar di dunia. Jadi orang luar, pensyarah luar, penyelidik luar, pelajar luar dari seluruh dunia yang *nak* [hendak] mengetahui *nak* [hendak] mempelajari tentang orang Melayu, tentang Pengajian Melayu, mereka datang kepada kita. Sebab *tu* [itu] sekarang kita memiliki pelajar-

pelajar ijazah tinggi yang buat *Master* [Sarjana], buat *PhD* [Doktor Falsafah], buat *Degree* [Ijazah], ramai dari universiti luar jugak, bukan orang Malaysia saja [sahaja]. Jadi mereka menuju ke Akademi Pengajian Melayu untuk mempelajari tentang Melayu. Jadi kita sebagai orang Melayu, orang Malaysia, tentu harus berbangga dengan Akademi Pengajian Melayu.

**NA : Baiklah doktor, soalan terakhir untuk aspek kerjaya doktor, kebiasaananya apakah objektif yang sering doktor gunakan dalam menjalankan kajian dan artikel?**

DN : Objektif untuk penyelidikan? Penyelidikan dan juga penerbitan. Selalunya tidak ada yang khusus *sebab* [kerana] penyelidikan *ni* [ini] bergantung kepada apa yang kita *nak* [hendak] selidik sebenarnya. Dalam bidang Pengajian Melayu terlalu luas skopnya, tapi untuk bidang saya, saya menjurus kepada bidang kesusteraan. Jadi kerana latar belakang saya, kepakaran saya dalam bidang Pengajian Melayu mengkhusus kepada bidang kesusteraan maka saya lebih kepada sastera, dunia sastera. Dan dunia sastera *ni* [ini] pun sebenarnya satu dunia yang sangat luas, yang orang diluar sana *tak* [tidak] tahu *jugak* [juga], *tak* [tidak] berapa faham, mereka ingat bila belajar sastera *ni* [ini] belajar pasal novel sajakah? Pasal cerpen sajakah? Sebenarnya tidak! Dunia pengajian sastera *ni* [ini] sangat luas. Kita tahu bahawa kesusteraan ini adalah teras utama kepada perkembangan tamadun, bukan sahaja tamadun

Melayu, tetapi *jugak* [juga] tamadun seluruh bangsa di dunia. Cuba baca dan tengok perkembangan tamadun di seluruh dunia, cuba lihat Tamadun Mesirkah? Tamadun Romkah? Tamadun Chinakah? Tiongkakkah? Ataupun Tamadun Amerika *ye* [ya], semua bermula dengan bidang sastera. Bidang sastera yang dilihat sebagai suatu disiplin ilmu yang pertama, yang terawal-lahir bersama tamadun manusia sebelum berkembangnya bidang sains, teknologi dan sebagainya. Jadi bidang sastera *tu* [itu] sangat penting, malah teras kepada kehidupan manusia. Walaupun mungkin ramai orang *tak* [tidak] faham, *dia orang* [mereka] tengok sastera *ni* [ini] sebagai satu yang- tidak penting, tidak berfaedah, tapi sebenarnya pandangan itu tidak tepat. Untuk mencari pandangan yang tepat, bacalah tamadun. Tamadun-tamadun utama didunia bermula, berkembang dengan sastera. Selongkarlah, carilah, memang kita akan dapat jawapan itu. Jadi samalah juga dengan Pengajian Melayu, jadi sastera itulah bidang saya. Banyak benda, banyak ruang, banyak aspek yang boleh dikaji dan boleh diterokai.

(penemubual ketawa kecil)

**NA : Baiklah doktor, sebagai seorang doktor sudah pasti sudah banyak melakukan penyelidikan seperti yang kita bincangkan tadi. Sudikah doktor berkongsi serba sedikit mengenai satu atau dua penyelidikan yang doktor rasa berkesan dihati?**

DN : Sebenarnya penyelidikan saya memanglah dah berpuluhan tahun *kan* [bukan] terlibat dalam bidang kerjaya ini, terlalu banyak penyelidikan yang telah dilakukan. Antara beberapa yang saya rasa penting kepada saya, pertama sekiranya saya melanjutkan pengajian peringkat *PhD* [Doktor Falsafah], saya melakukan penyelidikan yang berhubung dengan Puitika Pengarang Wanita Malaysia dan Indonesia. Itu satu bidang penyelidikan yang sangat penting kepada saya dan *juge* [juga] dalam bidang ilmu disiplin saya. Kerana ia satu bidang yang belum diterokai oleh orang lain *ye* [ya], belum banyak hasil-hasil penerbitan yang diterbitkan oleh orang lain tentang bidang Putika Sastera Wanita. Apatah lagi yang melibatkan perbandingan dengan dua buah negara. Saya melakukan Malaysia dan Indonesia, melakukan perbandingan itu dan penyelidikan itulah yang melayakkan saya dianugerahi Ijazah Kedoktoran. Hasil penyelidikan itulah. Jadi itu yang paling penting bagi saya, itulah penyelidikannya. Dan sekarang *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], pada tahun lepas dua ribu dua belas [2012], hasil kajian saya *tu* [itu] telah pun dibukukan. Buku terbaru saya yang tahun lepas diterbitkan oleh penerbit Universiti Sains Malaysia ialah Putika sastera wanita Malaysia dan Indonesia - satu bacaan ginokritik. Itu buku saya yang terbaru, yang bertitik tolak daripada penyelidikan saya itulah. Dan *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], buku ini *jugak* [juga] telah dinilai untuk mendapat hadiah sastera perdana dalam penilaian yang akan diumumkan *tak* [tidak] lama lagi. *InsyaAllah* [Jika diizinkan Allah], kalau ada rezeki akan dipilihlah, yang penting buku *ni* [ini]

tidak ada dua, tidak ada tiga di Malaysia. Yang tema itu memang saya--- bidang *tu* [itu] saya *sorang je* [seorang sahaja] yang dianggap sebagai peneroka dalam bidang itu. Kerana penerokaan itu *juge* [juga] saya dianggap sebagai - orang yang terawal dan juga perujuk kepada bidang ini. Saya dirujuk oleh pihak-pihak luar, universiti luar negara *jugak* [juga] sebagai orang yang meneroka bidang feminis dalam bidang ini. Jadi ini bidang kajian yang saya rasa paling penting dalam bidang saya, kerana ia menjadi identiti untuk pengembangan bidang saya dari sebelum ini, sekarang dan selepas ini. Saya dirujuk sebagai pakar bidang sastera khususnya dalam aspek feminis *ye* [ya].

**NA : Doktor, melalui penglibatan dalam penyelidikan dan menghadiri persidangan, adakah ianya memberi impak atau kesan kepada Universiti Malaya di kaçamata doktor?**

DN : Ya, itu sudah pasti. Sebab setiap kali kita pergi persidangan terutamanya di luar negara, sebenarnya kita membawa nama universiti. Bukan saja, saya tidak membawa nama saya secara peribadi, memanglah nama saya ada selalunya bila orang perkenalkan, oh ini *Doktor* [Dr] Norhayati daripada Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, orang bacakan biodata kita- di dalam atau di luar negara. Jadi dari situ orang tahu, oh ini dari Universiti Malaya, Universiti Malaya bidang apa? Pengajian Melayu. Khusus lagi Sastera Melayu. Jadi sebenarnya, persidangan ini sangat penting

untuk memperkenalkan diri kita, kepakaran bidang kita, dan juga memperkenalkan universiti kepada pihak luar. Apatah lagi kalau kita keluar negara, kita membawa imej universiti, imej negara sekaligus. Jadi kita sebenarnya bila pergi seminar, kita tidak pergi secara peribadi. Apatah lagi kita pergi sebenarnya dengan dananya ditanggung, dibiayai oleh universiti. Selalunya kalau kita pergi persidangan, kita boleh mohon peruntukan, jadi segala kos makan minum, tambang, semuanya ditanggung oleh universiti. Jadi kita *bawak* [bawa] nama universiti.

Sebab *tu* [itu] persidangan ini sebenarnya satu cara, satu kaedah untuk menjual nama universiti, menjual nama baik negara, kepada apa? Khalayak di dunia luarlah, terutama khalayak antarabangsa. Kalau di Malaysia barangkali ramai orang *dah* [sudah] tahu. Tapi kalau diluar, misalnya tahun lepas saya pergi ke Jerman, ramai orang *tak* [tidak] tahu, oh Malaysia, oh Universiti Malaya, oh bidang ini. Jadi mereka semua sangat teruja dengan bidang ini, rupanya ada bidang yang sangat menarik, yang mereka *tak* [tidak] tahu sebelum *ni* [ini]. Jadi bila saya pergi ke Jerman, mereka *dah* [sudah] tawarkan saya untuk mengajar *pulak* [pula] di Jerman. Tapi setakat ini saya belum berminatlah *nak* [hendak] pergi (ketawa kecil). Itu *ye* [ya], antara impak pentinglah persidangan, sangat penting.

NA : Baiklah doktor. Apakah jenis pengiktirafan ataupun anugerah yang diperolehi sepanjang berkhidmat sebagai pensyarah dan kini bergelar doktor?

DN : Anugerah (tokoh ketawa kecil), anugerah *tu* [itu] kalau dari segi akademik *tu* [itu] *biasa la* [kebiasaannya] dapat macam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, banyak kali saya dapat, terakhir dapat pun tahun lepas. Anugerah Sijil Perkhidmatan Cemerlang *tu* [itu] memang sentiasa, *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] *ye* [ya] dan- yang dalam bidang akademik itulah. Tapi pada masa sama *jugak* [juga], saya banyak terlibat dengan Pertubuhan Non Government NGO kan. *NGO* [Non Government Organisation] diluar, jadi saya *jugak* [juga] mendapat pendedahan, banyak terlibat dengan kegiatan *NGO* [Non Government Organisation], misalnya Pertubuhan Wanita Islam Semalaysia PERTIWI, juga Pertubuhan Kebajikan Wanita Kelantan di Lembah Kelang, Selangor dan Kuala Lumpur, saya *AJK* [Ahli Jawatan Kuasa], dan disana kita mendapat pengiktirafan melalui *NGO* [Non Government Organisation]. Jadi itu pengalaman yang - sangat berguna, walaupun bukan dunia akademik tapi kita lebih dekat dengan masyarakat, membantu masyarakat dengan kemampuan yang kita ada, kemampuan akademik, kita boleh menyalurkan kepada mereka keperluan mereka untuk meningkatkan taraf pendidikan orang Islam, meningkatkan taraf pendidikan orang kampung, anak-anak yatim, orang miskin. Kita usahakan dana untuk

mereka, salurkan dana. Jadi pada saya itu satu pengalaman yang- sangat penting, yang boleh *complement* [melengkapi] dengan pengalaman akademik, *NGO* [Non Government Organization]. Anugerah yang lain setakat ini mungkin *dah* [sudah] masuk pencalonan untuk anugerah yang tahun lepas, untuk anugerah- yang dipanggil--- yang akan diberi oleh pihak Agung sendiri. Tapi setakat *ni* [ini] belum ada keputusan. Dan sebenarnya saya tidak mengharapkan apa-apa anugerah. Apa yang saya lakukan adalah berdasarkan tanggungjawab, ataupun kesedaran kita untuk membantu anak bangsa kita, itu saja. Kalau ada anugerah, kalau ada hadiah, itu cuma satu bonus *saje* [sahaja], tidak berapa penting pada saya. Kalau ada *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], tak ada pun *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], saya tetap juga dengan aktiviti saya yang biasa.

**NA : Tahniah saya ucapkan doktor atas pengiktirafan yang diterima. Doktor, adakah doktor sudah berpuas hati diatas apa yang telah dicapai dalam hidup doktor? Dan jika masih ada, apakah perkara yang ingin doktor capai?**

**DN : Okay [Baik], kita ni manusia kan? Biasanya manusia *ni* [ini] tidak akan pernah berpuas hati dengan apa yang mereka miliki. Mereka akan merasakan masih banyak pencapaian yang perlu dicapai, yang perlu dilakukan dalam hidup. Jadi saya pun sama *jugak* [juga], tapi bukan bermakna kita tidak bersyukur. *Alhamdulillah* [Segala puji bagi Allah] setakat ini kita dah berada pada satu**

langkah yang boleh dikatakan agak berjaya, *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] berbanding dengan kehidupan sebelumnya, kita hari ini *dah* [sudah] lebih baik *ye* [ya]. Tapi sebenarnya masih banyak yang saya *nak* [hendak] buat, masih banyak- perkara yang *nak* [hendak] saya lakukan, yang berhubung dengan dunia kerjaya sayalah. Misalnya saya nak buat banyak kajian-kajian yang penting, yang *significant* [signifikan], yang memberi impak kepada masyarakat *ye* [ya] dan ini sedang kita lakukan. Begitu juga dengan kerjasama dengan pihak luar, *nak* [hendak] dipertingkatkan. Pada saya secara praktikal saya lebih tekankan itu. Hal yang praktikal, bukan hal-hal yang macam mana nak naik pangkat, macam mana *nak* [hendak] diiktiraf secara- formal. Tidak. Saya tidak mengharapkan itu dan cita-cita saya tidak ke arah itu. Cita-cita saya lebih kepada untuk memberi. Saya selalu tanya apa lagi, apa yang saya boleh memberi kepada masyarakat di luar sana? Kepada mereka yang memerlukan. Sebab itu saya kalau orang bagi kerja, yang mengharapkan kepakaran kita, memang saya susah *nak* [hendak] tolak. Sebab saya rasakan bahawa mereka memerlukan kepakaran kita, mereka memerlukan bimbingan kita. Jadi saya *ni* [ini] sebagai orang yang sibuk *ye* [ya], selalu sibuk kerana banyak memenuhi keperluan luar, bukan sahaja sibuk di universiti, diluar. Saya banyak bekerjasama dengan institusi luar, dengan universiti-universiti lain, dengan institusi luar, dengan *NGO* [Non Government Organization]. Itu yang hampir setiap minggu *takde* [tidak ada] dirumah. Sebenarnya bukan semua urusan universiti, tapi urusan--- sumbangan kitalah kepada masyarakat, kepada

institusi luar. Apatah lagi saya *jugak* [juga] dilantik sebagai munsyi dewan, yang mana munsyi ini memang berperanan untuk memberi penjelasan kepada rakyat, kepada masyarakat tentang kepentingan bidang sastera. Kita *dah* [sudah] ditauliahkan sebagai munsyi dewan. Itu satu pengiktirafan kepada saya. Begitu *jugak* [juga] apabila saya dilantik sebagai pakar Malaysia untuk mewakili negara dalam Majlis Sastera Asia Tenggara, itu juga satu pengiktirafan. Jadi itu kerja-kerja yang diluar daripada universiti tetapi berhubung dengan bidang kita. Mereka lantik kita kerana kita pakar dalam bidang itu, *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] itu saja.

**NA : Baiklah doktor. Kita tamat untuk aspek profesion dan sumbangan.**

#### **TAMAT BAHAGIAN B**

## **BAHAGIAN C: KEMAHIRAN DAN PENDAPAT**

**NA : Baiklah, kita sambung temubual dengan aspek seterusnya iaitu aspek kemahiran dan pendapat tokoh kita. Doktor, pada pandangan doktor apakah relevansi Pengajian Melayu terhadap masyarakat kini dan mengapa?**

**DN : Okey [Baiklah], seperti yang saya sebutkan tadi tentang kepentingan akademik pengajian Melayu. Pengajian Melayu itu sendiri sebenarnya---. Bidang pengajian Melayu *ni* [ini] sangat penting walaupun orang diluar sana barangkali *tak berape* [tidak terlalu] nampak kepentingannya. Sebab bidang huminitis ini sering dipandang— rendah berbanding dengan bidang sains teknologi. Tetapi sebenarnya bidang huminitis inilah yang membezakan kita sebagai manusia dengan makhluk-makhluk yang lain. *Sebab* [Hal ini kerana] sebagai manusia, kita sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan. Nilai-nilai kemanusiaan ini kalau kita lihat, kita *tak* [tidak] belajar dalam bidang sains. Dalam bidang teknologi, kita *tak* [tidak] belajar tentang emosi, kita *tak* [tidak] belajar tentang sahsiah, kita tidak belajar tentang- nilai-nilai kemanusiaan. Tapi dalam bidang pengajian Melayu, khususnya sastera Melayu, kita diajar tentang ini. Kita belajar untuk menjadikan manusia itu manusia. Bagaimana *nak* [hendak] memanusiakan manusia *sebab kalau* [kerana jika] dalam bidang sains kita diajar tentang hal-hal yang praktikal, hal-hal sains yang kadangkala menjadikan kita seperti robot. Menjadikan manusia bagai robot, berfikir**

seperti robot. Membuat peralatan, membuat teknologi, akur dengan itu, akur dengan ini tapi dimanakah nilai-nilai kemanusiaannya? Dimanakah nilai perasaannya, nilai tanggungjawabnya, nilai amanahnya, nilai kemanusiaan, nilai empati simpati kepada orang lain, kepada kesusahan orang? Semua ini ada dalam dunia pengajian Melayu dan seperti yang saya sebutkan tadi *bahwa* [bahawa] dunia pengajian Melayu *ni* [ini] korpusnya sangat luas. Apa *saja* [sahaja], *anything* [apa-apa sahaja] tentang orang Melayu, memang ada di Pengajian Melayu. Kita *nak tahu* [hendak mengetahui] tentang falsafah orang Melayu, tentang pendidikan orang Melayu, tentang perubatan Melayu, tentang sejarah, tentang politik, tentang ekonomi, tentang falsafah. Apa *saja* [sahaja] yang berhubung dengan orang Melayu, ada di Pengajian Melayu. Jadi jangan salah faham *bahwa* [bahawa] pengajian Melayu *ni* [ini] mengkaji novel, cerpen. Itu sangat sempit--- sastra (sastera). Malah dalam bidang kesasteraan sekarang, kita belajar tentang *management* [pengurusan]. Kita belajar tentang komersial, Bagaimana *nak* [hendak] komersialkan data sastera kita. Jadi, saya lihat pengajian Melayu sangat relevan kerana negara kita masih- komponen terbesar ialah orang Melayu. Orang Melayu adalah penduduk yang masih majoriti di tanah air kita, Tanah Melayu yang sekarang kita kenal sebagai Malaysia. Jadi sebagai orang Melayu, kita kena jaga nilai-nilai, hak milik orang Melayu. Kita *kena jaga* [perlu pelihara] warisan kebudayaan orang Melayu, kita *kena jaga* [perlu pelihara] bahasa Melayu, kita *kena jaga* [perlu pelihara] kesusasteraan Melayu. Khazanah Melayu *tu* [itu]! Jadi ini semua kita

*kena jaga* [perlu pelihara], bukan setakat *jaga* [pelihara] tapi kita *kena* [perlu] martabatkan. Jangan sampai kita hilang martabat. *Kita kehilangan martabat Melayu dengan bahasa Melayu kita hilang, pengajian Melayu kita hilang, sastra (sastera) Melayu, budaya Melayu semua hilang. Sebab apa* [kerana apa]? [Dr. Norhayati menjelaskan bahawa kaum Melayu akan kehilangan martabatnya sekiranya bahasa, pengajian Melayu, kesusasteraan Melayu dan budaya Melayu tidak dipelihara].

*Kalau kita tak jaga* [Jika kita tidak memelihara] memang kita akan kehilangan. *Sebab* [Hal ini kerana] pada hari *ni* (ini), kita nampak diluar sana, dunia semakin bergerak pantas dan orang Melayu sendiri semakin ketinggalan. Sudah ditinggal jauh oleh bangsa lain. Dan lebih parah, lebih penting, orang Melayu kita bimbang akan kehilangan jati diri. Jati diri, peribadi orang Melayu itu kita *kena jaga* [perlu pelihara] sebab kita kena belajar dengan bangsa-bangsa besar di dunia. Kita lihat contohnya bangsa\_ Jerman atau bangsa Jepun, Perancis. Mereka tidak hilang jati diri mereka. Mereka *jaga* [pelihara] nilai-nilai ke'jepun'an, ke--- Jerman, Perancis nilai-nilai peribadi, nilai-nilai bangsa mereka *jaga* [pelihara]. Tapi mereka maju *jugak* [juga]. Jangan anggap bahawa *bila* [apabila] kita menjaga jati diri kita, nilai-nilai bangsa kita, kita tidak boleh maju. Bukan bermakna *bila* [apabila] kita martabatkan bahasa Melayu misalnya, kita tidak boleh maju. Boleh! Kita boleh belajar bahasa Inggeris, bahasa-bahasa lain di dunia. Tetapi, bahasa kita sendiri, nilai-nilai

Melayu itu sendiri kita *kena* [perlu] pelihara, kita *kena* [perlu] lestarikan, kita *kena* [perlu] martabatkan. Jadi saya kira fungsi pengajian Melayu antaranya, *inilah* [beginilah]. Untuk menyedarkan masyarakat diluar sana tentang pentingnya kita melestari warisan bangsa, jati diri masyarakat kita, agama kita, nilai-nilai masyarakat timur kita. Disamping pada masa yang sama, kita *jugak* [juga] mengejar kemajuan. Jadi kita boleh maju dengan acuan kita sendiri sepermata bangsa Jepun, antara bangsa termaju di dunia. Mereka maju di dunia tetapi pada masa yang sama, mereka masih berada dalam acuan Jepun yang sangat tebal- yang sangat pekat. Kalau kita *peggi* [pergi ke] Jepun, kita *tengok* [lihat] nilai hidup mereka, cara hidup, nilai budaya mereka masih autentik, masih asal. Mereka *tak de* [tidak ada] terikut-ikut *nak cakap* [hendak bercakap] bahasa Inggeris tanpa keperluan misalnya. Mereka *tak heran* [tidak kisah] pun dengan bahasa Inggeris sebab mereka boleh maju dengan bahasa mereka sendiri. Jadi itu antara pentingnya bidang pengajian Melayu.  
(gangguan bunyi telefon)

**NA : Baiklah doktor. Apa pula pandangan doktor terhadap nilai-nilai yang diterapkan dalam pengajian Melayu kepada aspek perpaduan rakyat Malaysia pada masa kini?**

**DN : Baik, aspek perpaduan- kita *kena* [perlu] ingat bahawa sejarah kita mengajar kita. Kita *kena* [perlu] belajar dari sejarah. Sejarah itu satu bidang pengajian**

yang jugak (juga) penting. Sejarah mengajar kita untuk mengikuti apa yang telah kita tinggalkan, apa yang telah berlaku kepada masyarakat kita, bangsa kita. *Maknanya* [maksudnya], kalau kita tidak *jaga* [memelihara] hal-hal yang boleh menjelaskan perpaduan- kita mungkin akan menuju ke arah kehancuran. *Sebab* [Hal ini kerana] pada masa yang sama, walaupun kita *jaga* [memelihara] bangsa Melayu, kepentingan Melayu, nilai-nilai Melayu kita juga sebenarnya sudah pun bercampur dengan bangsa-bangsa yang lain. Sejarah telah membuktikan sejak lima ratus tahun yang dulu, zaman Kesultanan Melaka, kita telah--- pelabuhan Melaka telah menjadi satu pelabuhan penting, yang menerima kedatangan orang luar dan kita adalah bangsa Melayu yang terkenal sebagai bangsa yang boleh terima orang luar dengan baik. Kita mudah terima orang kerana kita baik, kerana kita peramah, kerana kita baik hati- dan kita disenangi. Di seluruh dunia, orang Melayu adalah bangsa yang paling disenangi. Kalau kita *peggi* [pergi ke] Mekah misalnya- kita lihat orang Arab, orang luar\_ orang Malaysia, orang Melayu. Malaysia! Mereka sangat hormat orang Melayu. Sebab orang Melayu *ni* [ini] antara bangsa yang terkenal di dunia dengan nilai-nilai jati diri yang baik. (gangguan bunyi telefon) Jadi, antara nilai jati diri yang kita jaga tadi ialah perpaduan. Jadi, perpaduan ini satu aspek yang kita *kena jaga* (perlu pelihara). Tapi, *itulah* [begitu lah!] Kita jaga dalam acuan yang sepatutnya boleh diterima, yang tidak memberi kerugian kepada bangsa kita.

(bunyi rakaman)

**NA : Baiklah doktor, soalan terakhir untuk aspek kemahiran dan pendapat.**  
**Wanita dan sastera, apa pandangan doktor dan mengapa?**

**DN :** *Okey* [baiklah], Wanita dan *sastra* [sastera] itu bidang saya ya? Kita melihat dalam konteks pengajian *gender* [jantina]- khususnya dalam *sastra* [sastera]. Kita melihat bahawa wanita telah memainkan peranan yang sangat penting bukan saja dalam aspek pembangunan, aspek pendidikan, politik, ekonomi dan sebagainya tetapi juga dalam bidang *sastra* [sastera]. Kalau kita perhatikan dalam sejarah, kita lihat bahawa penglibatan wanita dalam bidang *sastra* [sastera] ini telah lama bermula. Hampir seiring dengan peranan yang dimainkan oleh lelaki. Dan kalau kita lihat perkembangan semasa, dunia kesasteraan tanah air kita banyak diwarnai oleh peranan dan sumbangan wanita. *Cuma* [hanya] kerana negara kita *ni* [ini] masih lagi dalam ruang diperintah oleh patriaki atau didominasi oleh patriaki, orang lelaki kadangkala kita terlepas pandang, tidak memberi perhatian kepada peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh wanita. Tapi kalau kita baca sejarah, memang peranan wanita itu sangat penting— dalam bidang *sastra* [sastera]. Terutama lagi perkembangan semasa yang mutakhir terkini, kita lihat dunia sastera banyak sekali digerakkan oleh wanita. Kalau saudara (saudari) baca novel misalnya, novel-novel yang dihasilkan sekarang kebanyakannya oleh pengarang wanita. Itu cuma satu contoh untuk menunjukkan peranan pengarang wanita— dan sebenarnya, kalau kita nak lihat dunia wanita dan

sastera *ni* [ini] satu dunia yang luas, yang memerlukan satu kajian dan saya telah melakukan kajian itu, dan kita dapat bahawa wanita *ni* [ini] mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Yang membolehkan mereka untuk menggarap karya dengan lebih baik sepatutnya berbanding lelaki. Tetapi memandangkan terlalu banyakkekangan, halangan, rintangan yang terpaksa dihadapi oleh wanita dalam menghadapi dunia *sastra* [sastera] ataupun dunia diluar sana wanita seringkali dianggap sebagai kurang- penting. Bukan saja dalam *sastra* [sastera], tetapi juga dalam hal-hal lain. Walhal, hakikatnya kita lihat dunia wanita *ni* [ini] memainkan peranan penting dan wanita hari ini telah berjaya, telah jauh ke depan. Kalau kita lihat di universiti, sebahagian besar pelajar didominasi oleh wanita dan di luar-luar, di pejabat-pejabat kerajaan, di kementerian-kementerian juga didominasi oleh wanita. Jadi, dunia wanita sebenarnya telahpun cukup melebar dan luas *cuma* [hanya] orang masih lagi menganggap bahawa peranan wanita itu tidak penting. Jadi ini satu- senario yang perlukan anjakan, anjakan paradigma, anjakan cara berfikir masyarakat itu perlu dilakukan untuk tidak meminggirkan ataupun mendiskriminasikan golongan wanita. Jadi itu yang boleh saya cakap tentang pentingnya peranan wanita dalam bidang sastera dan juga dunia di luar sana.

#### TAMAT BAHAGIAN C

## **BAHAGIAN D: HARAPAN**

**NA : Baiklah, temubual tamat untuk aspek kemahiran dan pendapat. Doktor, seterusnya apakah harapan doktor kepada para pelajar, khususnya para pelajar yang mendalami bidang pengajian Melayu di Universiti Malaya?**

**DN : Baik, harapan? Harapan sudah tentulah yang baik-baik, yang indah-indah. Jadi kita mengharapkan bahawa graduan kita akan dapat memanfaatkan segala ilmu yang mereka pelajari disepanjang pengajian mereka di Akademi pengajian Melayu. Baik ilmu yang berhubung dengan aspek duniaawi, ukhrawi - semua dapat dimanfaatkan lah. Kita harapkan mahasiswa kita boleh memenuhi keperluan kerjaya diluar sana. Maksudnya, memenuhi keperluan majikan dalam bidang kerjaya tetapi pada masa yang sama juga mereka dapat menyebarkan ilmu yang mereka pelajari. Jadi *ini orang kata* [seperti yang dikatakan orang], “serampang dua mata”. Satu untuk memanfaatkan dari segi kerjaya, kedua untuk memanfaatkan bidang ilmu yang dipelajari. Ilmu ni luas, dari konteks yang luas sama ada ilmu dunia atau ilmu akhirat. Duniawi, ukhrawi. Mereka belajar semua di universiti, mereka belajar semua ini di Pengajian Melayu. Jadi, setakat ini saya perhatikan– kebanyakan graduan kita mempunyai kerjaya yang baik diluar sana, hampir semua mereka telah pun mempunyai kerjaya yang baik. Malah, kalau saya pergi kemana-mana, saya akan jumpa pelajar saya. Dimana-mana pun, mereka dah jadi pegawai tadbir, mereka jadi guru, mereka jadi pemimpin, mereka terlibat dalam dunia politik,**

perniagaan. Jadi sebagai seorang guru-pensyarah, saya merasa sangat gembiralah dengan kejayaan pelajar kami. Dan itulah harapan kami supaya mereka dapat manfaatkan segala ilmu, segala pengalaman yang dipelajari selama berada di Akademi pengajian Melayu untuk keperluan agama, bangsa dan juga negara. *Insya ALLAH* [dengan izin ALLAH].

(suara bayi)

**NA : Baiklah doktor. Soalan yang terakhir, apakah harapan doktor kepada masyarakat terutamanya warganegara Malaysia mahupun pembaca transkrip ini melalui temubual kita?**

DN : *Okey* [baiklah], harapan saya kepada yang diluar sana sudah tentulah untuk melihat— perubahan paradigma ataupun cara berfikir, cara melihat mereka terhadap dunia Pengajian Melayu. Kerana selama ini, saya perhatikan masyarakat diluar sana masih tidak begitu memahami apatah lagi untuk menghayati tentang kepentingan Pengajian Melayu. Kebanyakan para ibu bapa misalnya memandang rendah---. Saya tidak salahkan mereka kerana mungkin mereka tidak mendapat pendedahan yang tepat, gambaran yang tepat, pendedahan yang sebenarnya tentang kepentingan Pengajian Melayu. Jadi, saya harap tentulah. Masyarakat diluar sana, ibu bapa khususnya, para-bakal graduan kami khususnya dapat meneroka, memahami, menanggapi dan lebih

menjiwai tentang kepentingan pengajian Melayu dan sumbangan pengajian Melayu kepada masyarakat khususnya. Jadi termasuklah kepada yang sedang menemuramah ini, (ketawa) yang sedang melakukan temuramah ini barangkali sebelum ini dunia saudara (saudari) tentang---, tanggapan saudara (saudari) tentang pengajian Melayu jugak tidak begitu luas. Jadi saya harap sedikit sebanyak dengan adanya penerangan ataupun temuramah yang dilakukan ini dapat memberikan satu penjelasan yang lebih luas, yang lebih tepat, yang lebih relevan untuk mengubah tanggapan, pandangan dan cara menilai- cara kita menilai sumbangan bidang pengajian Melayu di tanah air ini. (bunyi rakaman)

**NA : Baiklah, dengan itu tamat sesi temubual kita bersama Doktor [Dr] Norhayati Abdul Rahman pada jam dua lima puluh enam [2.56] petang.**  
**Terima kasih doktor.**  
(rakaman tamat)

#### **TAMAT BAHAGIAN D**

# **RUJUKAN**

## Rujukan

Akademi Pengajian Melayu. (n.d.). *Akademi Pengajian Melayu*. Capaian Disember 11, 2013, dari <http://apm.um.edu.my/?modul=Utama>

CURRICULUM VITAE. (2009, August 31). *DR. NORHAYATI BINTI AB RAHMAN*. Capaian Oktober 10, 2013, dari [http://umexpert.um.edu.my/papar\\_cv.php?id=AAAJxnAAQAAAF9wAAk](http://umexpert.um.edu.my/papar_cv.php?id=AAAJxnAAQAAAF9wAAk)

# LAMPIRAN

## i. SURAT KEBENARAN

Tarikh  
No. Fail

22 Disember 2013  
100-KK(HEA 30/7/2)

## KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

### PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO. UiTM</u>
1.	NUR ATIARA BT ABDULLAH	2011879206
2.	NADZIRAH BT OTHMAN	2011223672

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT**, Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahiaskan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **NUR ATIARA BT ABDULLAH**.
3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar

IMRAÑ BIN MOHAMED @ ISMAIL  
Penolong Pendaftar Hal Ehwal Akademik  
b/p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

## **ii. SURAT PERJANJIAN**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**Machang, Kelantan**

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yanq telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan .....

Pada .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
Pengkisah (Tokoh)

.....  
Dr. Hj. Ghazali Bin Osman  
Ketua Pusat Pengajian  
Pengurusan Maklumat, Sains  
Pentadbiran & Pengajaran Polisi  
Dan Pengajaran Undang-Undang  
UiTM Cawangan Kelantan.

### **iii. LOG TEMUBUAL**

## **LOG TEMUBUAL**

Nur Atiara binti Abdullah dan Nadzirah binti Othman telah menemubual seorang tokoh akademik, Dr. Norhayati binti Abdul Rahman, Pensyarah Kanan, Jabatan Kesusasteraan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Malaysia. Temubual dijalankan di kampung beliau di Manal 1, Tanah Merah, Kelantan mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pensyarah Pengajian Melayu sejak 1992 hingga kini.

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA
<b>BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG</b>		
00.00	Penemubual memperkenalkan tokoh, Dr. Norhayati binti Abdul Rahman.	
00.30 - 22.39	Tokoh menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang diri dan pendidikan beliau.	Sekolah Menengah Mahmud Mahyidin Pasir Pekan Universiti Malaya
<b>BAHAGIAN B : KERJAYA</b>		
00.00 - 24.44	Tokoh menceritakan serba sedikit mengenai perjalanan kerjaya dan sumbangan beliau.	Universiti Malaya
24.45 – 30.00	Tokoh menceritakan serba sedikit mengenai pengiktirafan dan anugerah yang diterima beliau sepanjang kerjaya.	Universiti Malaya

<b>BAHAGIAN C : KEMAHIRAN DAN PENDAPAT</b>
--

<i>Bahagian C1</i>
--------------------

00.00 - 05.34	Tokoh memberikan pendapat mengenai relevansi Pengajian Melayu terhadap masyarakat masa kini.	
---------------	--	--

<i>Bahagian C2</i>
--------------------

00.00 – 02.01	Tokoh memberikan pendapat mengenai nilai-nilai yang diterapkan dalam Pengajian Melayu terhadap perpaduan masyarakat masa kini.	
---------------	--	--

<i>Bahagian C3 &amp; D</i>
----------------------------

00.00 – 03.03	Tokoh memberikan pendapat mengenai penglibatan kaum wanita dalam bidang sastera di Malaysia.	
---------------	--	--

<b>BAHAGIAN D : HARAPAN</b>
-----------------------------

<i>Bahagian C3 &amp; D</i>
----------------------------

03.10 – 05.01	Tokoh menyatakan harapan beliau terhadap para graduan Pengajian Melayu di Universiti Malaya khususnya.	Universiti Malaya
---------------	--	-------------------

05.16 – 06.43	Tokoh menyatakan harapan beliau terhadap persepsi masyarakat Malaysia mengenai Pengajian Melayu.	
---------------	--	--

## iv. INDEKS

## A

akademik, 7, 8, 10, 13, 32, 36, 52, 58, 59  
ASWARA, 13

## B

bidang pendidikan, 4, 17, 59, 60

## F

feminis, 30

## H

hadiah sastera perdana, 29

## I

Ijazah Doktor Persuratan, 6  
ijazah pertama, 3, 4, 5, 16, 26  
ijazah sarjana muda, 3

## J

Jabatan Pengajian Melayu, 18, 25  
jaringan perhubungan, 11  
jati diri, 38, 40

## K

Kelantan, 2, 12, 32, 52  
Kemahiran insaniah, 11  
Kesusasteraan Bandingan, 3  
Kesusasteraan Melayu, 3, 19, 30  
kokurikulum, 9, 10  
konsultan, 13  
konvokesyen, 5, 8, 11, 16

## M

MASTERA, 15  
MoU, 19  
munsyi, 13, 34

## N

NGO, 32, 34

## P

Pengajian Melayu, 3, 17, 18, 20, 22, 25, 27, 30, 36, 43,  
44, 47, 52, 53  
penyiarah, 4, 6, 8, 13, 14, 16, 20, 22, 24, 26, 31, 44,  
52, 58, 59, 60, 61  
penyelidikan, 9, 13, 14, 20, 23, 27, 28, 30, 60, 61  
perpaduan, 39, 53, 62  
persidangan antarabangsa, 15, 20, 60  
PhD, 3, 8, 16, 23, 26, 29, 59  
Putika Sastera Wanita, 29

## S

seminar, 13, 14, 20, 22, 31

## T

tutor, 4, 6, 8, 16, 24

## U

Universiti Malaya, 3, 8, 14, 18, 20, 25, 30, 31, 43, 52,  
53, 60

Universiti Sains Malaysia, 3, 8, 17, 23, 29

## **v. SENARAI SOALAN**

## **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG**

1. Apakah nama penuh Dr. mengikut kad pengenalan Dr.?
2. Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh ahli keluarga atau rakan-rakan Dr.?
3. Bila dan di manakah Dr. dilahirkan?
4. Dimanakah Dr. menetap sekarang?
5. Mereka berasal dari mana?
6. Berapakah bilangan adik-beradik Dr. dan Dr. anak ke-berapa?
7. Berapakah bilangan anak Dr.?
8. Apakah nama dan umur mereka?
9. Apakah pekerjaan anak-anak Dr. sekarang?
10. Adakah mereka telah mendirikan rumah tangga?
11. Adakah Dr. sudah mempunyai cucu?
12. Apakah hobi Professor pada masa lapang?
13. Apakah cita-cita Dr. pada asalnya?
14. Mengapakah Dr. memilih untuk menjadi seorang pendidik/ pensyarah?
15. Adakah ibu bapa Dr. menggalakkan atau menyokong pilihan Dr. menjadi pensyarah sehingga mendapat gelaran Dr. seperti sekarang?
16. Siapakah yang menjadi idola/ role model contoh dalam hidup Dr.? Mengapa?
17. Apakah prinsip yang sentiasa dipegang dalam hidup Dr.?
18. Bolehkah Dr. menceritakan serba sedikit tentang kehidupan zaman dahulu?
19. Apakah kenangan manis yang pernah dialami dalam hidup Dr.?
20. Apakah kenangan pahit yang pernah dialami dalam hidup Dr.?

21. Bilakah dan dimanakah Dr. mula-mula bersekolah?
22. Bagaimanakah keadaan atau suasana serta kemudahan dan para guru pada zaman persekolahan ketika itu?
23. Apakah subjek yang paling digemari atau tidak digemari oleh Dr. pada ketika itu?  
Mengapa?
24. Adakah Dr. aktif dalam berpesatuan dan ko-kurikulum pada zaman persekolahan?
25. Bagaimanakah pencapaian Dr. dalam bidang akademik dan ko-kurikulum selama persekolahan?
26. Apakah pengalaman manis dan pahit yang dilalui Dr. sepanjang bergelar pelajar suatu ketika dahulu?
27. Siapakah teman yang paling diingati pada masa itu?
28. Setelah menamatkan persekolahan, adakah Dr. terus menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi atau bekerja terlebih dahulu?
29. Bilakah Dr. melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi?
30. Apakah bidang atau kursus yang diambil ketika itu?
31. Bagaimana pula penerimaan masyarakat terhadap bidang tersebut?
32. Adakah ibu bapa Dr. turut menyokong atau membantu Professor dalam pemilihan bidang tersebut?
33. Kemudian, adakah Dr. melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi dari itu? Bila dan dimanakah ia berlaku?
34. Semasa di alam universiti, bagaimanakah pencapaian Dr. dalam bidang akademik dan aktiviti luar?
35. Boleh Dr. berkongsi sedikit sebanyak cara/ tips pembelajaran Dr. pada masa itu?

36. Siapakah yang menjadi teman seperjuangan yang diingati pada masa universiti dahulu dan adakah masih berhubung sehingga kini?
37. Pada pendapat Dr., apakah perbezaan antara sistem pendidikan dahulu dan sekarang?  
Mengapa?

## **BAHAGIAN B: KERJAYA**

38. Adakah Dr. mendapat PhD semasa menjadi pensyarah? Bila dan dimana?
39. Apakah yang mendorong Dr. untuk menjurus ke dalam bidang pendidikan terutamanya dalam bidang pengajian melayu?
40. Bolehkah Dr. terangkan secara ringkas skop bidang tersebut?
41. Apakah yang menjadi sering dijadikan motivasi bagi Dr. dalam menyuarakan pendapat dan idea dalam khayalak ramai?
42. Sebelum mendapat tawaran sebagai seorang pensyarah, apakah pekerjaan Dr. ketika itu? Bila dan dimana?
43. Bolehkah Dr. ceritakan serba sedikit penglibatan awal Dr. dalam bidang pendidikan?
44. Mengapakah Dr. memilih Universiti Malaya (UM) sebagai tempat bertugas?
45. Adakah Dr. mendapat tawaran menjadi pensyarah separuh atau sepenuh masa pada awalnya? Bila?
46. Selama bergelar pensyarah di dalam skop bidang, apakah pengalaman pahit dan manis yang tidak dapat dilupakan oleh Professor?
47. Kebiasaan, apakah objektif yang digunakan Dr. dalam menjalankan kajian dan artikel? Mengapa?

48. Selama bergelar pensyarah dan kini Dr., apakah penglibatan Dr. di dalam universiti mahupun di luar universiti?
49. Sebagai Dr., sudah pasti sudah banyak melakukan penyelidikan. Sudikah professor berkongsi sedikit sebanyak mengenai satu atau dua penyelidikan Professor?
50. Apakah penyelidikan yang memberi impak yang besar dalam hidup Professor dan mengapa?
51. Pernahkan Dr. menghadiri mana-mana persidangan antarabangsa mahupun kebangsaan mengenai bidang Professor dan bolehkah Professor menamakan satu atau dua persidangan tersebut? Peranan Dr.?
52. Melalui penglibatan dan penyelidikan dan menghadiri persidangan, adakah memberi impak atau kesan kepada UM? Bagaimana?
53. Adakah Dr. pernah terlibat dalam bidang penulisan?
54. Bolehkah Dr. menceritakan tentang serba sedikit penulisan yang telah dihasilkan oleh Professor?
55. Apakah sumbangan yang terbesar yang pernah Dr. sumbangkan di dalam hidup Dr.?
56. Apakah jenis pengiktirafan mahupun anugerah atau pencapaian yang diperoleh selama berkhidmat sebagai pensyarah dan kini bergelar Dr.?
57. Bila dan dimanakah ia diperolehi?
58. Apakah anugerah atau pengiktirafan mahupun pencapaian yang baru-baru ini diperolehi?
59. Adakah Dr. sudah berpuas hati di atas apa yang telah dicapai di dalam hidup Dr.?
60. Apakah perkara yang ingin dicapai oleh Dr. lagi?

61. Selain daripada ilmu pengetahuan yang mencukupi, bolehkah Dr. terangkan apakah aspek-aspek lain yang diperlukan untuk menjadi seorang pendidik yang baik?

### **BAHAGIAN C: KEMAHIRAN DAN PENDAPAT**

62. Pada pandangan Dr., apakah relevansi pengajian melayu terhadap masyarakat masa kini? Mengapa?

63. Pada pandangan Dr., wujudkah perbezaan yang ketara diantara penguasaan pemahaman melayu dalam kalangan pelajar dahulu dan sekarang?

64. Apakah penilaian Dr. terhadap penguasaan pemahaman Islam para mahasiswa/siswi UM jika dibandingkan dengan universiti-universiti lain?

65. Wujud sebilangan besar generasi muda yang kurang fasih dalam pemahaman sejarah dan nilai-nilai melayu, lidah terkelu malah malu serta berputus asa untuk mempertahankannya, komen Dr.?

66. Apakah faktor-faktor yang mendorong penguasaan yang lemah dalam kalangan pelajar terhadap pengajian melayu?

67. Apakah kunci kejayaan mahupun cara para pelajar dapat menguasai pengajian melayu dengan cekap?

68. Apa pendekatan yang digunakan oleh Dr. kepada para pelajar untuk menguasai pemahaman Islam? Cadangan pelaksanaan kepada masyarakat?

69. Apakah kelebihan mengimbangi pemahaman melayu dan pemikiran global mengikut perspektif Professor?

70. Apakah pula pandangan Professor terhadap nilai-nilai yang diterap dalam bidang tersebut dalam aspek perpaduan masyarakat Malaysia?
71. Wanita dan sastera, apakah pandangan Dr.? Mengapa?

#### **BAHAGIAN D: HARAPAN**

72. Apakah harapan professor kepada para pelajar khususnya pelajar UM melalui pengajian bidang?
73. Apakah harapan professor kepada staf-staf UM khasnya para pendidik dalam bidang pengajian melayu?
74. Akhirnya, apakah harapan Professor kepada masyarakat terutamanya warga Malaysia mahupun pembaca transkrip ini?

## vi. GAMBAR

## SESI TEMUBUAL BERSAMA TOKOH



BERGAMBAR SELEPAS TAMAT SESI



Nur Atiara bersama tokoh, Dr. Norhayati binti Abdul Rahman